

ICLALIS 2013

Strategi komunikasi lisan secara formal dalam kalangan pelajar kejuruteraan

Noor Asliza Abdul Rahim^{a*}, Normaliza Abd. Rahim^b

^aPusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis, No. 5 & 7, Jalan Kangar-Alor Star, Taman Pengkalan Asam,
01000 Kangar Perlis, Malaysia

^bJabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang Selangor, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan dalam kalangan pelajar jurusan kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ketika melakukan aktiviti kebahasaan di dalam kelas. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh responden di samping melihat persepsi mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu sebagai medium perantaraan utama yang digunakan dalam sesuatu interaksi lisan yang dilakukan secara formal. Seramai 100 orang pelajar pelbagai kaum dari pelbagai tahun pengajian yang mengikuti program sarjana muda kejuruteraan di UniMAP dipilih. Instrumen kajian menggunakan borang kaji selidik yang mengandungi 30 item. Data dianalisis berasaskan deskriptif asas dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan sahaja. Hasil kajian menunjukkan penggunaan strategi komunikasi dalam interaksi lisan yang terancang adalah tinggi khususnya apabila melibatkan interaksi yang formal. Dapatan kajian ini juga memberi implikasi terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa dan komunikasi dalam usaha meningkatkan elemen kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](#).

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

Kata kunci: strategi komunikasi, interaksi lisan, pelajar kejuruteraan, kemahiran insaniah, alam kerjaya

* Corresponding author: Noor Asliza Abdul Rahim Tel.: +012-4252326; fax: +604-9767389
E-mail address: asliza@unimap.edu.my, drnormaliza@gmail.com

1. Pengenalan

Penguasaan kemahiran berkomunikasi yang baik dalam kalangan pelajar adalah sangat penting bagi memudahkan mereka menempatkan diri dalam alam pekerjaan. Menurut Briggs dan Hodgson (dalam Ahmad Esa *et.al.*, 2005), antara kelemahan graduan kejuruteraan ialah kurang menguasai kemahiran berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, bekas Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed, turut mengulas bahawa kegagalan siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Beliau berkata selain daripada lemah penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikir sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat kekitaan dan tiada kemahiran berkomunikasi. Menerusi dialog yang diadakan antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan majikan di negara ini, merumuskan bahawa graduan universiti tidak diambil bekerja kerana mereka tidak memiliki kemahiran insaniah (Bernama, 2007).

Oleh itu bagi memenuhi tuntutan majikan dalam memastikan graduan-graduan yang dihasilkan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi, maka modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Tujuh elemen Kemahiran Insaniah (KI) telah dikenal pasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPTA. Elemen KI ini ialah Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Keusahawanan, Etika dan Moral Profesional serta Kemahiran Kepemimpinan Setiap IPTA di Malaysia seharusnya menerapkan kesemua tujuh elemen Kemahiran Insaniah (KI) berdasarkan *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. (KPT,2006). Salah satu daripada elemen tersebut adalah Kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Keterangan tiga Kemahiran Berkomunikasi (CS) berdasarkan *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. (KPT,2006). adalah seperti berikut:

Jadual 1. Tiga tahap kemahiran berkomunikasi berdasarkan *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah*

Tahap	Kemahiran
CS1	Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.
CS2	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.
CS3	Kebolehan membuat pembentangan secara jelas, penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap.

Justeru, para graduan perlu melengkapkan diri dengan kehendak pasaran semasa iaitu mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik. Kemahiran komunikasi yang baik akan dapat membantu dalam peningkatan kerjaya pelajar pada masa sekarang khususnya yang terlibat dalam profesion kejuruteraan. Menurut Pia Lappalainen (2008) tugas harian jurutera kini bukan sekadar menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kepakaran yang ada tetapi mereka harus cekap berkomunikasi, bekerjasama, berbahas dan berhujah serta bekerja secara berpasukan. Oleh itu sebagai satu keperluan penting, mereka seharusnya cekap berkomunikasi secara lisan bagi membolehkan mereka berperanan dengan berkesan dalam organisasi mereka

Ketrampilan atau kecekapan berkomunikasi bukan sekadar dilihat pada cara seseorang itu berkomunikasi, tetapi menurut Hymes (1966, dalam Saville-Troike 1991), kecekapan berkomunikasi seseorang bukan sekadar mengetahui tentang kod bahasa tetapi juga harus mengetahui apa-apa yang hendak dikatakan kepada siapa, dan bagaimana hendak mengujarkannya dengan cocok dalam situasi-situasi tertentu. Semasa proses komunikasi juga, penutur dan pendengar kadang-kadang akan mengalami gangguan komunikasi yang disebabkan oleh kelemahan dan kesukaran untuk menguasai sesuatu bahasa tersebut bagi menyampaikan mesej komunikasinya. Keadaan ini akan mendorong penuturnya menggunakan pelbagai alternatif bagi memastikan mesej yang hendak disampaikan berjaya. Usaha tersebut dikenali sebagai strategi komunikasi. Ab. Razak Ab. Karim (2000) menjelaskan strategi komunikasi sebagai cara tertentu yang digunakan oleh pemeran yang terlibat dalam suatu peristiwa bahasa.

Download English Version:

<https://daneshyari.com/en/article/1113694>

Download Persian Version:

<https://daneshyari.com/article/1113694>

[Daneshyari.com](https://daneshyari.com)